

Oleh Siti Azila Alias
sitiazila@bh.com.my

stiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam ke-34 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi upacara pentauliahan terbesar PALAPES sejak tahun 1982.

Bertemakan Watan Mendaulat Nusa, stiadat yang disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah itu membabitkan seramai 1,628 pegawai kadet daripada 18 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Mereka yang menerima tauliah terdiri daripada 1,153 pegawai kadet darat, 231 pegawai kadet laut dan 244 pegawai kadet udara yang berjaya menamatkan latihan berkala secara sambilan selama tiga tahun.

Upacara kemuncak penuh adat ketenteraan itu turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Naib Canselor merangkap komandan PALAPES UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan.

FAKTA NOMBOR

1,153

Pegawai Kadet Darat

244

Pegawai Kadet Udara

231

Pegawai Kadet Laut

Teruskan semangat patriotik

» Anggota PALAPES boleh beri sumbangankekalkan keamanan negara

Istiadat bermula dengan pemeriksaan perbarisan oleh Sultan Selangor, diikuti lintas hormat perbarisan oleh semua pegawai kadet sebelum ke upacara kemuncak pengurniaan watikah pentauliahan.

Penyumbang kepada kesejahteraan

Sultan Sharafuddin dalam titahnya berharap semua penerima tauliah pada hari itu menjadi contoh dan modal insan kepada yang lain.

Pada masa sama, baginda turut berharap mereka dapat meneruskan semangat patriotik demi kecintaan kepada negara serta memberi nilai tambah dalam diri, sama ada dari segi rohani maupun jasmani.

"Beta juga ingin mengingatkan saudara saudari (pegawai kadet) supaya dapat meneruskan sumbangan bakti yang tinggi untuk negara dalam segala aspek di mana juga berada dan boleh menyumbang mengekalkan keamanan serta kesejahteraan negara daripada anasir tidak diingini."

"Beta juga menyeru saudara saudari melaksanakan segala amanah yang diberikan sebagai satu cabaran yang ditangani secara baik dan bijaksana."

"Yang penting, beta mahu melihat dalam negara bermasyarakat majmuk ini, rakyat sentiasa hidup secara harmoni, bertolak ansur dan berbaik-baik sesama sendiri," titahnya.

Titah baginda, semua pegawai



Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah pada Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA Ke-34.

Beta juga ingin mengingatkan saudara saudari (pegawai kadet) supaya dapat meneruskan sumbangan bakti yang tinggi untuk negara dalam segala aspek di mana juga berada dan boleh menyumbang mengekalkan keamanan serta kesejahteraan negara daripada anasir tidak diingini"

Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Selangor



Jangan sia-siakan ilmu


Baginda bertitah, ilmu yang diperoleh selama tiga tahun berada dalam latihan tidak disia-siakan dan diperkemas dalam menghadapi sebarang cabaran pada masa akan datang.

"Jadi, ilmu ketenteraan yang dipelajari dalam jangka waktu tiga tahun bersama PALAPES amatlah berguna dan perlu diperkemas lagi di pasukan simpanan yang akan disertai kelak," titahnya.

Sejarah awal PALAPES bermula dengan penubuhan Batalyon Pertama Infantri Askar Wataniah Cawangan



Pegawai Kadet PALAPES IPTA melakukan perbarisan pada Istiadat Pentauliahan Diraja.



Pegawai Kadet PALAPES melaungkan 'Daulat Tuanku' di hadapan Sultan Selangor pada Istiadat Pertaulianan Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA Ke-34 di Universiti Putra Malaysia.

[FOTO MUHD ASRAF SAWAL / BH]

Universiti Malaya pada 3 April 1965. Pada awal penubuhannya, hanya 30 pelajar menjalani kursus Asas Rekrut di Kem Latihan Seputih, Batu Gajah, Perak.

Pasukan itu kemudian dikembangkan ke IPTA lain susulan peristiwa 13 yang Mei yang menyaksikan penubuhan Kompeni A di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ketika itu dikenali sebagai Institut Teknologi MARA (ITM), Kompeni B di UPM dan Kompeni C di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dahulunya, PALAPES dikenali sebagai Reserve Officer Training Unit (ROTU) dengan matlamat melahirkan pegawai simpanan bagi menuhi keperluan ATM, selain menyokong usaha kerajaan dan IPTA untuk membentuk kualiti seorang warganegara yang sempurna, berdisiplin dan mempunyai ciri-ciri mempertahankan kepentingan negara.



Dorongan keluarga bakar semangat



Matan Iskandar (tengah) dicium ibu dan bapanya selepas menerima tauliah.

Perjuangan barisan wira negara yang mengerah tenaga tanpa mengira penat lelah demi menjaga keamanan dan kedaulatan tanah air menjadi pendorong buat pegawai kadet Lettenan Muda Matan Iskandar Matan Ibrahim untuk menyertai pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Pelajar tahun tiga jurusan Sarjana Muda Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, latihan selama tiga tahun di PALAPES akan dimanfaatkan sebaik mungkin dalam menabur bakti bersama pasukan berkenaan.

"Saya bertekad mahu menjadi sebahagian daripada mereka (angkatan tentera) dan turut sama berjuang demi negara tercinta."

"Sebaik saja menerima pentaulahan, saya akan menyertai Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan berkhidmat di bawah unit KD Sri Klang," katanya yang juga anak sulung daripada lima beradik.

Pada masa sama, dia turut merakamkan ucapan terima kasih kepada keluarga, terutama ibu bapa yang banyak memberi dorongan dan menyuntik semangat untuk menghabiskan latihan ketika dirinya melalui saat sukar.

"Kecederaan lama di lutut ketika bermain ragbi kembali sakit dan tidak dapat mengikuti latihan berat seperti rakan lain, antara cabaran yang perlu saya lalui sepanjang tempoh tiga tahun itu."

"Perkara itu sedikit sebanyak melemahkan mental saya, namun berkat sokongan ibu bapa, saya bersyukur dapat menghabiskan juga latihan ini sebagai pegawai kadet," katanya.

Latih diri lebih berdisiplin

Sementara itu, Pegawai Rendah Muda Muhammad Syahiran Abd Shukor tidak menyangka dipilih sebagai pegawai kadet terbaik

PALAPES Darat UPM dan menganggap ia sebagai rezeki hasil usaha keras serta kesungguhannya sepanjang menjalani latihan.

Anak keempat daripada lapan beradik itu berkata, latar belakang keluarga dalam bidang ketenteraan turut mendorong minatnya terhadap pasukan beruniform itu, selain minat dalam aktiviti lasak seperti menembak dan latihan strategi dalam hutan.

"Bapa saya, Abd Shukor Husin adalah bekas tentera. Kakak sulung, Syaidatul Shima adalah ang-



Muhammad Syahiran ketika mengetuai perbarisan pada Istiadat Pertaulianan Diraja Pegawai Kadet.

“Saya bertekad mahu menjadi sebahagian daripada mereka (angkatan tentera) dan turut sama berjuang demi negara tercinta”

Matan Iskandar Matan Ibrahim,
Pegawai kadet TLDM

gota Askar Wataniah dan kini berkhidmat sebagai jurulatih di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Baling, Kedah, manakala abang pula seorang anggota tentera udara.

"Berada dalam PALAPES menjadikan saya lebih berdisiplin, selain semangat kerjasama dan hormat-menghormati," katanya.

Beza agama, bahasa bukan masalah

Bagi Pegawai Kadet Udara Kong Fui Feng dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), perbezaan agama dan jantina bukanlah penghalang untuknya menimba ilmu dalam bidang ketenteraan udara.

Anak jati Sarakei, Sarawak itu berkata, melalui latihan selama tiga tahun itu, dia bukan saja belajar berdikari, malah hubungan bersama rakan yang majoritinya Melayu dan beragama Islam menjadi lebih erat.

"Saya banyak mendalamai budaya Melayu dan agama Islam sepanjang berada dalam latihan. Rakan yang saling membantu membuatkan saya tidak kekok, malah hubungan kami semakin erat dari sehari ke sehari," katanya.

“Latar belakang keluarga dalam bidang ketenteraan turut mendorong minat saya terhadap pasukan beruniform, selain minat dalam aktiviti lasak seperti menembak dan latihan strategi dalam hutan”

Muhammad Syahiran Abd Shukor,
Pegawai kadet terbaik
PALAPES Darat